

Pegawai MoF: Kerajaan tidak terlalu tegas

BH 30 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan bersikap terlalu tegas dalam melaksanakan peraturan yang hanya membenarkan pegawai kanan syarikat pelaburan Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF) dan badan berkanun, memegang satu jawatan tertinggi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mempunyai cara tersendiri dalam menangani isu sedemikian tanpa melanggar peraturan yang sudah ditetapkan.

“Kita mempunyai cara sendiri untuk mengatasinya. Kita tidak terlalu tegas... kita mendengar pandangan orang termasuk dari akhbar,” katanya selepas merasmikan Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia Kelima di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai kedudukan Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Merican walaupun Kementerian Kewangan sebelum ini sudah mengarahkan bahawa semua ketua eksekutif syarikat MoF dan badan berkanun hanya boleh memegang satu jawatan.

Minggu lalu, Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, berkata dasar itu sudah dilaksanakan kerajaan.

Daim berkata, langkah itu bertujuan mempertingkatkan pertanggungjawaban dan ketelusan.

Ditanya bagaimana kerajaan merancang untuk melaksanakannya, Dr Mahathir berkata, beliau tidak boleh memberitahu perkara itu.

“Jika saya memberitahu anda, anda pula akan menggunakan cara itu,” katanya.